



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP**

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN  
KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2023**

**14 DISEMBER 2023 (KHAMIS)  
IOI GRAND EXHIBITION & CONVENTION CENTRE  
IOI CITY MALL, PUTRAJAYA**

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis

(Salutasi)

1. Pertamanya, bagi pihak KPDM dan rakan-rakan penganjur, setinggi-tinggi terima kasih diucapkan atas kehadiran YAB Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, dan sekalian tetamu jemputan.
2. Sesungguhnya, kebersamaan teraju kepimpinan negara amat bernilai dan bermakna. Inilah antara citra keprihatinan dan sokongan YAB Perdana Menteri terhadap sebarang ikhtiar untuk membangunkan perekonomian negara dan sekalian rakyat. Dalam menyusun timbunan tuntutan masa untuk menyusun semula ekonomi negara, di dalam dan luar negara, beliau tetap berusaha, mencari masa menyantuni ikhtiar ekonomi akar umbi yang terkait dengan pelbagai segmen masyarakat.
3. Belum sebulan berlalu, beliau hadir dalam Karnival Usahawan Desa anjuran KKDW di Putrajaya. Baru seminggu lalu saya mengiringi Perdana Menteri ke Sabah menghadiri Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil anjuran KUSKOP, dan hari ini beliau hadir bersama kita atas komitmen kepada gerakan mempromosikan Barangan Malaysia, produk, inovasi dan kreativiti komuniti peniaga tempatan.
4. Dan hakikatnya, inilah istiqamah beliau sejak dari awal memegang amanah. Kalau kita ingat bagaimana beliau mengarahkan DBKL untuk menyantuni para peniaga gerai-gerai makanan di bandaraya Kuala Lumpur dengan menyediakan prasarana yang lebih kondusif. Bukan sekadar arahan, tetapi beliau sendiri turun ke premis-premis perniagaan makanan memantau tindakan susulan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

5. Saya memilih untuk menyebut perkara ini, bukan hanya untuk berkongsi bagaimana kepedulian pimpinan negara, hasrat saya adalah supaya kita semua memahami bahawa penganjuran ini bukanlah bersifat one-off atau berbentuk ceremonial, namun ia terkait dengan agenda penting negara yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri – Agenda Ekonomi Madani. Agenda yang bukan hanya melihat kepada ikhtiar melonjakkan siling ekonomi negara, namun tidak sesekali meminggirkan usaha menaikkan rantai darjat ekonomi rakyat. Hasrat kita adalah untuk membina negara maju, dan rakyatnya berkemajuan.
6. Sesungguhnya, agenda ini tidak akan mampu digalas sendiri oleh YAB Perdana Menteri mahupun Kerajaan, ia menuntut kebersamaan semua pihak, pendekatan serata masyarakat, dalam latar kestabilan dan kebersamaan konstruktif semua pihak.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

7. Teras kefungsian KPDM meliputi tiga perkara. Selain menangani kos sara hidup dan pendayaupayaan pengguna, KPDM bertanggungjawab untuk membina perdagangan dalam negeri yang mampan dan progresif. Di sinilah letakkan landasan gerakan mempromosi dan melonjakkan Barangan Malaysia.
8. Karnival seumpama ini telah dirintis sebagai sebahagian daripada inisiatif Kerajaan sejak tahun 1984 melalui Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia. Untuk tahun ini, KPDM telah menganjurkan 5 mini karnival mengikut zon dan hari ini merupakan karnival peringkat kebangsaan sebagai kemuncak bagi tahun 2023.
9. Kempen membeli barangan tempatan ini juga dilaksanakan oleh lebih banyak negara dengan pendekatan masing-masing. Daripada negara maju, Amerika Syarikat dengan “Buy American”; UK dengan “Made in Britain”, Jepun dengan “Chisan-Chisho Movement”. Demikian juga kempen “Vietnamese people use vietnamese goods”, “Compra Brasil” ataupun “Proudly South African”.

10. Hakikatnya, kita dapat melihat wujudnya satu trend kepenggunaan yang penting di peringkat global; yang dikenali sebagai “international localism” (lokalisme antarabangsa). International localism ini sebenarnya memberi maksud “trend pengguna global” yang mendahulukan pembelian/penggunaan barangan dan khidmat yang bersifat tempatan . Menurut kajian, untuk tahun hadapan, tahun 2024 – trend ini, bukan sahaja berlaku semakin berkembang di peringkat global, malah dikatakan berlaku situasi yang disebut sebagai “continuation and deepening”.
11. Malah, tahun 2024, trend ini dijangka jauh lebih besar dan bersifat “localism beyond consumption”. Ia bukan lagi soal “jual beli” semata-mata. Timbul kesedaran di kalangan masyarakat umum untuk mengambil berat, bukan sahaja soal membina potensi ekonomi, malah menggerakkan ruang kesukarelawanan dan sosial di kalangan masyarakat sekeliling mereka sendiri. Kita dapat melihat trend seumpama ini turut berlaku di negara kita, sebagai contoh gerakan #JomSapot BeliLokal.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

12. Kita perlu leverage, merangka strategi yang lebih ampuh untuk memanfaatkan perkembangan trend kepenggunaan global ini untuk melonjakkan pasaran domestik Barangan Malaysia. Pada masa yang sama kita perlu membina kekuatan untuk meneroka pasaran antarabangsa secara lebih meluas. Saya yakin kita mempunyai keupayaan bersandarkan kepada inovasi dan kreativiti serta keunikan dan kepelbagaian tradisi serta budaya.
13. Sudah tiba masanya kita menganjakkan nilai dan makna penganjuran Karnival Barangan Malaysia ini, bermula tahun hadapan dan untuk jangka panjang. Dengan restu YAB Perdana Menteri, bermula tahun hadapan kita akan menjadikan penganjuran karnival ini sebagai pemilikan bersama kerajaan dan rakyat melibatkan pelbagai stakeholders melalui whole-of-nation approach.

14. Komuniti peniaga bukan hanya menjadi peserta, malah memainkan peranan sebagai penggerak bersama. Kita mahu penglibatan yang lebih bermakna daripada GLCs, NGOs dan sektor swasta termasuk memberi pengiktirafan kepada pengusaha produk tempatan yang cemerlang.
15. Kita melihat keperluan objektif karnival ini dilaksanakan merentasi penganjuran secara konvensional semata-mata. Untuk tahun mendatang, ia akan dilaksanakan bersifat omnichannel melalui pengintegrasian antara penjualan barangan tempatan di premis perniagaan dengan platform marketplace.
16. Pada masa yang sama, KPDM akan bersama Kerajaan Negeri Perak, Melaka dan Perlis dengan menganjurkan Mini Karnival Barangan Malaysia bersempena Tahun Melawat Perak, Melaka dan Perlis 2024. Insya Allah, kita akan ikhtiarkan penganjuran pelbagai siri Karnival dan Mini Karnival Barangan Malaysia ini untuk memberikan sumbangan lebih signifikan dalam menggerakkan agenda ekonomi negara.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

17. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program ini, Sekretariat Kempen Barangan Malaysia, pihak-pihak yang memberikan sumbangan, pihak media dan pastinya komuniti peniaga produk tempatan yang datangnya dari seluruh negara. Semoga ikhtiar bersama ini mendapat keberkatan Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

